

04/09/2003

Malaysia mampu jadi suara dalam IMF: Kohler

PUTRAJAYA: Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mahu Malaysia lebih aktif menyuarakan pandangan serta mencadangkan penyelesaian dalam mewujudkan struktur kewangan dunia yang akan melindungi negara kecil dan miskin.

IMF juga menerima pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa globalisasi dan hasil rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) harus adil dan memakmurkan semua, bukan memperkayakan negara maju saja.

Perkara itu dinyatakan Pengarah Urusan IMF, Dr Horst Kohler pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan selama kira-kira satu jam dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di sini, petang semalam.

Kohler yang kagum dengan pencapaian ekonomi Malaysia berkata, IMF sedang melalui proses perubahan dan ia percaya Malaysia dapat menyumbang kepada pewujudan sistem kewangan dunia yang lebih selamat.

"Saya mahu negara pasaran baru seperti Malaysia menjadi suara dalam IMF dan mencari penyelesaian yang boleh dipersetujui semua kerana IMF adalah organisasi pelbagai negara yang sebenar.

"Saya berpendapat jawapan kepada banyak masalah dan ketegangan di dunia hari ini dapat diselesaikan menerusi kerjasama pelbagai hala (multilateral)," katanya.

Turut hadir Menteri Kewangan Kedua, Datuk Jamaludin Jarjis.

Kohler ditanya mengenai hasil perbincangan beliau dengan Dr Mahathir terutama mengenai struktur kewangan dunia dan globalisasi.

Perdana Menteri sebelum ini antara pengkritik utama IMF yang didakwa gagal membantu negara Asia yang menghadapi krisis ekonomi 1997/98 berikutan dasar agensi itu yang lebih cenderung mengikut telunjuk kuasa besar.

Kohler yang pertama kali datang ke Malaysia, berkata kejayaan negara ini dalam menguruskan ekonominya terutama sejak tiga tahun lalu walaupun dalam ketidaktentuan ekonomi Barat, membuktikan negara ini dapat menyumbang kepada struktur kewangan antarabangsa.

"IMF memerlukan input bagaimana untuk merangka polisi berkaitan sektor kewangan supaya sesuai kepada keperluan sesuatu negara," katanya.

Mengenai isu lain yang dibincangkan dengan Dr Mahathir, Kohler berkata, beliau menyatakan apa yang sedang dilakukan IMF dan Perdana Menteri sangat berminat dengan perbincangan WTO.

"Perdana Menteri dan saya sependapat bahawa persidangan WTO di Doha mesti mempunyai hasil yang akan mewujudkan persekitaran yang adil untuk negara seperti Malaysia selain untuk negara miskin," katanya.

Kohler juga berkata, beliau membaca Perutusan Kemerdekaan Perdana Menteri yang menumpukan kepada kepentingan identiti nasional, keyakinan, menghormati budaya dan model yang digunakan di setiap negara.

"Saya sependapat (dengan Dr Mahathir) bahawa globalisasi akan hanya berjaya untuk semua jika ada rasa hormat kepada kepelbagaian budaya. Isu kini adalah aspek teknikal yang perlu disusun IMF," katanya yang yakin sistem kewangan Islam dapat wujud bersama sistem konvensional tanpa mewujudkan ketegangan baru.

Sementara itu, IMF mahu menganjurkan seminar dan persidangan agar pengalaman negara seperti Malaysia dapat dibentangkan serta dapat digunakan dalam mewujudkan sektor kewangan yang sesuai mengikut keperluan pembangunan di setiap negara.

Sementara itu, Jamaludin berkata, Perdana Menteri bersetuju untuk

menyalurkan semua maklumat berhubung cara negara menangani krisis kewangan kepada IMF untuk digunakan agensi itu dalam merangka sistem kewangan lebih selamat terutama untuk negara miskin dan membangun.

"Malaysia akan memberikan semua maklumat termasuk infrastruktur dan rangka polisi yang digunakan kepada IMF," katanya.

Mengenai spekulator mata wang, Dr Kohler berkata: "Perdana Menteri merasakan tindakan harus diambil terhadap mereka yang memanipulasi mata wang."